



MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN PENERUSI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG PERSEKUTUAN (JPKKP) BAGI KAMPUNG BARU



Pada 22 September 2020 telah berlangsung satu Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Kampung Baru. Majlis ini disempurnakan oleh YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan Kristal, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Seramai 109 orang Pengerusi JPKKP Kampung Baru dari negeri Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dilantik untuk tempoh 1 tahun berkuatkuasa dari 1 September 2020 sehingga 31 Ogos 2021.



Kampung Baru merupakan kampung-kampung yang ditubuhkan di bawah Ordinan Kecemasan (Rancangan Briggs). Selaras dengan peredaran masa, kini secara keseluruhannya terdapat sebanyak 613 buah Kampung Baru dibawah seliaan KPKT yang terdiri daripada 436 kampung Baru, 134 Kampung Baru Rangkaian dan 43 buah Kampung Bagan.

Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan telah ditubuhkan di negeri Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menggantikan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung sedia ada untuk membantu Kerajaan Persekutuan khususnya KPKT menyelaraskan program-program komuniti dan projek-projek pembangunan di Kampung-kampung tersebut.



Antara peranan JPKKP adalah:

- i. Menyedia dan mengemas kini profil kampung dari semasa ke semasa supaya data-data kampung sentiasa terkini;
- ii. menguruskan hal-hal kebajikan dan kesejahteraan penduduk secara teratur;
- iii. membantu menyebarkan dasar-dasar semasa kerajaan persekutuan kepada penduduk kampung;
- iv. aktif melaksanakan program-program komuniti bagi mewujudkan masyarakat yang bersatu-padu; dan
- v. membantu merancang dan memantau pelaksanaan projek pembangunan di kampung untuk faedah bersama masyarakat kampung.

